

Menjayakan pasca WUF9 Deklarasi KL 2030



SALLEH BUANG

TAHNIH kepada kerajaan Malaysia (khususnya kepada warga kerja daripada pelbagai agensi awam dan ahli profesion berkenaan) yang bekerja keras menjayakan Forum Bandar Sedunia ke-9 (WUF9) pada 7 hingga 13 Februari lalu. Dianjurkan bersama oleh UN Habitat dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, forum itu adalah persidangan terbesar mengenai pembangunan lestari bandar yang pernah diadakan.

Bertemakan *Cities 2030, Cities for All: Implementing the New Urban Agenda*, persidangan itu dihadiri 25,000 peserta (termasuk 14,000 rakyat negara ini) dari 165 negara dan perwakilan daripada 30 agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mengandungi lebih 800 acara berasingan, persidangan berkenaan akhirnya melahirkan Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Bandar 2030 (*Kuala Lumpur Declaration on Cities 2030*).

Dokumen penting ini menyatakannya, antara lain bahawa bagi meningkatkan lagi pelaksanaan Agenda Perbandaran Baru (*New Urban Agenda, NUA*) ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDG*), langkah-langkah berikut hendaklah diambil, antaranya:

- Memperkasa peranan kerajaan tempatan dan sistem tadbir urus bandar bagi memastikan dialog berterusan antara pelbagai lapisan kerajaan dan penyertaan semua pihak yang berkepentingan, sambil meningkatkan koordinasi antara pelbagai sektor, ketelusan dan akauntabiliti.

- Menggalakkan penyelesaian yang kreatif dan amalan yang inovatif yang boleh membawa kepada perubahan *mindset* semua pihak yang terlibat.

- Membina perkongsian yang inklusif bagi memastikan penglibatan oleh semua pihak di semua lapisan.

Seterusnya deklarasi itu mengambil kira pelbagai cabaran yang kini dihadapi oleh bandar dan penempatan manusia, iaitu antaranya:

- Akses yang tidak seimbang untuk mendiami dan bekerja di



WUF9 di Kuala Lumpur dari 7 hingga 13 Februari lalu adalah persidangan terbesar mengenai pembangunan lestari bandar yang pernah diadakan. - IHASAN WUF9.ORG

bandar termasuklah masalah mendapatkan pekerjaan, perumahan mampu milik, sekuriti pemegangan tanah, kemudahan awam dan sistem mobiliti, infrastruktur dan lain-lain perkhidmatan asas dalam bandar.

- Perlindungan hak asasi yang tidak sempurna termasuklah masalah pengusiran secara paksa, kemiskinan bandar, orang kurang upaya dan kumpulan penduduk lain yang belum terbelah dan masih dalam kedaifan.

- Ketidaksamaan gender dalam bidang ekonomi bandar dan kepemimpinan.

Deklarasi itu turut mengambil kira beberapa isu kritikal lain seperti isu penghijrahan penduduk dari desa ke bandar yang berterusan yang memberi impak kepada peluang ekonomi untuk penduduk bandar, isu teknologi baharu dan data terbuka (yang memerlukan sistem tadbir urus lebih mantap), sasaran agar 'tidak ada seorang pun yang ketinggalan' (*no one is left behind*) dan isu degradasi alam sekitar dalam bandar.

Dalam fokusnya berhubung gerak kerja di masa depan, Deklarasi Kuala Lumpur memperakui tiga tindakan utama untuk menjayakan Agenda Perbandaran Baru (NUA) iaitu melibatkan bidang kerangka (*frameworks*), tadbir urus dan perkongsian (*governance and partnership*) dan penyelesaian yang inovatif (*innovative solutions*).

Dalam bidang kerangka, deklarasi tersebut memperakui satu



Mengikuti portal PLANMalaysia, kita kini ada lebih 280 bandar di seluruh negara.

Mampukah semua bandar ini menjadi bandar mampan yang memberi kesejahteraan rakyat?"

kerangka pelaksanaan NUA (termasuk mekanisme pemantauan) dibentuk di semua peringkat kerajaan dan masyarakat agar ruang dapat diwujudkan bagi semua *stakeholders* (pihak yang berkepentingan) menyumbangkan tenaga, pemikiran dan usaha mereka ke arah mencapai Agenda 2030. Deklarasi itu juga memperakui diwujudkan platform dialog antara semua lapisan kerajaan, pembuat dasar dan *stakeholders*.

Perlu ditegaskan bahawa berbeza dengan satu perjanjian rasmi antara kerajaan (dipanggil 'triti') yang mengikat dan berkuat kuasa sepenuhnya di sisi undang-undang (misalnya perjanjian perkhidmatan kereta api laju antara kerajaan Malaysia dan Singapura yang dimeterai baru-baru ini), satu deklarasi yang dizahirkan di penghujung suatu persidangan atau forum tidak ada kuatkuasa undang-undang dan tidak mengikat mana-mana pihak.

Satu deklarasi adalah hanya satu pernyataan niat atau hasrat

untuk melakukan sesuatu tindakan atau mengambil satu langkah di masa depan. Selepas ini terserah kepada kerajaan Malaysia (dan mana-mana kerajaan lain yang menghantar perwakilan mereka menyertai WUF9 ini) untuk memutuskan sama ada semua atau hanya sebahagian daripada apa yang disebutkan dalam deklarasi tersebut akan dilaksanakan. Dan jika begitu, bila masanya.

Yang pasti adalah sebelum apa-apa langkah seterusnya diambil untuk mencapai matlamat deklarasi itu, kita perlu melihat semula (antara lain) dasar sedia ada berkaitan isu perbandaran ini (iaitu Dasar Perbandaran Negara 2006 (DPN) dan Dasar Perbandaran Negara Kedua 2016-2025 (DPN2), serta undang-undang yang ada (seperti Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976) bagi menentukan apakah ia perlu dipinda agar membolehkan dan memudahkan (tidak menghalang dan menyusahkan) pencapaian matlamat tersebut.

Pakar meramalkan bahawa pada 2050 nanti, lebih 70 peratus penduduk dunia akan tinggal di bandar. Mengikuti portal *PLAN-Malaysia*, kita kini ada lebih 280 bandar di seluruh negara. Mampukah semua bandar ini menjadi bandar mampan yang memberi kesejahteraan rakyat?

DATUK SALLEH BUANG ialah bekas Profesor Tamu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.